

**PANDUAN SYARAK TENTANG EMAS.** Oleh Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Mahadi Mohamad dan Ahmad Tirmizi Taha. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 2015. Halaman 90. ISBN 978-983-46-1575-8.

## PENDAHULUAN

Buku yang bertajuk *Panduan Syarak Tentang Emas* merupakan hasil karya bersama Prof. Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Ustaz Mahadi Mohamad dan Ustaz Ahmad Tirmizi Taha. Secara umumnya, buku ini cuba menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang keupayaan logam emas sebagai aset yang bernilai sepanjang zaman berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Malah tidak cukup sekadar itu, penulis seterusnya telah membentangkan perbahasan hukum syarak berkaitan penggunaan emas dan perbahasan hukum syarak berkaitan transaksi emas, sama ada secara tradisional mahupun kontemporari.

Perlu disedari, para ilmuan Islam silam dan kontemporari sering memberikan tumpuan khusus terhadap perbahasan hukum syarak berkaitan penggunaan dan transaksi emas. Hal ini kerana emas merupakan antara barang yang mempunyai peraturan khusus berkaitan cara penggunaannya, selain ia juga termasuk dalam kategori barang *ribawi* yang dibahaskan secara khusus oleh syarak berkaitan cara transaksi jual belinya. Cara transaksi jual beli emas mempunyai syarat tambahan berbanding jual beli barang biasa. Tambahan pula, selari dengan kepesatan kemajuan teknologi, cara transaksi emas pada masa kini juga turut berkembang dan berevolusi.

Justeru, kehadiran buku ini dilihat dapat menampung kelompongan maklumat berkaitan panduan syarak tentang emas, terutamanya dalam kalangan masyarakat awam. Bagi pengulas, tajuk buku ini sangat menggambarkan isi kandungan buku ini yang dapat menjadi panduan umum dan mudah kepada masyarakat, tanpa mengira latar belakang pendidikan mereka, sama ada pernah mempelajari ilmu agama secara formal mahupun tidak.

## KEISTIMEWAAN BUKU

Menurut pengulas, keistimewaan paling utama bagi buku ini adalah ia merupakan satu karya hasil usaha sama antara tiga orang ahli akademik yang cukup berkaliber dalam perbahasan ilmu fiqh. Kesemua mereka merupakan pensyarah di Fakulti Pengajian Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Mereka yang dimaksudkan adalah Prof. Dr. Engku Tajuddin bin Engku Ali yang merupakan Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Ustaz Mahadi bin Mohamad dan Ustaz Ahmad Tirmizi bin Taha yang merupakan pensyarah Jabatan Syariah di UniSZA. Justeru, secara asasnya tiada sebarang keraguan terhadap kesahihan isi kandungan buku ini kerana ia adalah hasil karya tokoh ilmuan yang dipercayai dan diakui mempunyai latar keilmuan yang sangat tinggi dalam bidang ini.

Dari segi metodologi penulisan buku ini pula, penulis telah membawakan perbahasan yang agak teknikal dan akademik dengan bahasa yang mudah difahami. Dalam perbahasan berkaitan ilmu fiqh, penulis dilihat cenderung untuk membawa perbahasan pandangan ilmuan tradisional sebagai asas perbincangan dan akhirnya akan menyimpulkannya dengan mengambil pendapat yang selari dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang telah dikeluarkan pada tahun 2011. Hal ini sangat baik kerana sasaran pembaca bagi buku ini adalah tergolong dalam kalangan masyarakat awam yang perlu dididik untuk menghormati fatwa daripada pihak berautoriti di Malaysia.

Akhir sekali, dari segi persempahan buku, pengulas berpendapat penerbit telah mencetak buku ini dengan menggunakan kualiti kertas dan percetakan yang sangat baik dan kemas. Pemilihan jenis dan saiz tulisan juga adalah sangat bersesuaian dan mesra pembaca. Seterusnya, penulis juga telah menggunakan beberapa jadual dan rajah bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada para pembaca. Di samping itu, buku ini mempunyai kulit yang menarik dan bersesuaian dengan tema. Hasilnya, selain dari isi kandungannya yang sangat bermanfaat, pengulas yakin bahawa pembeli buku ini pasti akan sangat berpuas hati dengan kualiti persempahan buku ini dan ia juga mudah dibawa ke mana-mana kerana saiznya yang kecil. Hal ini sesuai dengan tujuan buku ini yang bersifat separa ilmiah.

### **RUMUSAN ISI KANDUNGAN BUKU**

Selain prakata yang ringkas di awal buku dan penutup yang ringkas di akhir buku, penulis telah membahagikan perbahasan buku ini kepada 5 bab yang merangkumi perbahasan berkaitan, (1) Pengenalan Emas dan Kedudukannya, (2) Penggunaan Emas dalam Kehidupan Seharian, (3) Zakat Emas, (4) Isu-Isu Semasa dalam Jual Beli Emas, dan (5) Pelaburan Emas.

Dalam bab pertama buku ini, setelah menerangkan perihal emas secara padat dan ringkas, penulis telah memulakan penulisannya dengan mendedahkan kepada para pembaca berkaitan fakta sejarah berkaitan kedudukan emas yang sangat istimewa dalam peradaban manusia di segenap pelosok dunia. Hal ini termasuklah di Alam Melayu kita sendiri. Kemudian, penulis telah menjelaskan tentang kedudukan emas menurut kaca mata Islam dengan membawa lapan ayat al-Quran yang secara jelas ada menyebut perkataan emas, atau dalam bahasa Arab dinamakan *zahab*. Kesimpulan bagi bab ini adalah secara realitinya emas memang menjadi rebutan manusia sejak sekian lama sehingga terdapat manusia yang sanggup berbunuhan-bunuhan untuk mendapatkannya. Justeru, Islam datang untuk merasionalkan manusia dalam hal ini agar tidak tertalu tamak dengan harta sehingga mengabaikan fungsi sebenar sebagai seorang khalifah Allah SWT.

Seterusnya, penulis meneruskan perbahasan dalam bab kedua dengan menceritakan beberapa hukum yang berkaitan dengan penggunaan emas dalam kehidupan manusia. Antara perbahasan yang diketengahkan oleh penulis adalah seperti berikut:

<b>PERKARA</b>	<b>PERINCIAN</b>
Garis Panduan Perhiasan Menurut Islam	Tidak menyamai perhiasan khas bagi jantina lain atau agama lain, tidak menunjukkan ketakburan dan tidak melampaui kebiasaan masyarakat.
Perhiasan Emas Bagi Wanita	Harus dengan mematuhi garis panduan di atas.
Perhiasan Emas Bagi Lelaki	Haram. Namun begitu, terdapat perbezaan pandangan dalam isu perhiasan suasa bagi lelaki. Secara zahirnya, penulis memilih pandangan yang mengharamkannya.

Penggunaan Pinggan Mangkuk Emas	Haram.
Penggunaan Bekas Yang Dipaterikan Menggunakan Emas	Haram.
Penggunaan Bekas Yang Disadur Emas	Jika emas tulen, hukumnya haram sekiranya banyak dan harus sekiranya sedikit. Jika hanya warna emas dan bukan emas tulen, maka hukumnya harus.
Penggunaan Emas Dalam Perubatan	Harus ketika darurat.
Penggunaan Emas Putih	Hukum lelaki memakai emas putih adalah haram menurut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Hal ini kerana emas putih ialah campuran logam emas dengan logam lain, maka lelaki tidak boleh memakainya. Namun Jabatan Mufti Selangor telah menfatwakan bahawa kaum lelaki hanya haram memakai emas putih sekiranya kandungan emasnya melebihi 50%.

Rajah 1. Hukum penggunaan emas

Dalam bab ketiga pula, penulis telah menerangkan berkaitan zakat emas dengan cukup baik dan mudah difahami. Jelas, mengeluarkan zakat emas sebanyak 2.5% adalah wajib sekiranya telah cukup syarat-syarat wajib iaitu Islam, merdeka, *milk al-tam*, cukup *nisab* dan cukup *haul*. Berkaitan isu zakat perhiasan emas, walaupun berlaku perselisihan dalam kalangan fuqaha, penulis dilihat memilih pandangan Mazhab Syafii dengan mengatakan tidak wajib zakat bagi perhiasan emas kecuali pemakaian barang perhiasan emas tersebut melebihi kebiasaan pemakaian setempat. Penulis juga ada menyinggung berkaitan isu zakat emas yang digadai dengan menyatakan zakat emas tetap wajib ke atas penggadai sekiranya telah cukup *nisab* dan cukup *haul*.

Penulis meneruskan perbahasan dalam buku ini dalam bab keempat berkaitan isu-isu semasa dalam jual beli emas. Bab ini dimulakan dengan penerangan berkaitan bentuk fizikal emas yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bentuk perhiasan dan bentuk bukan perhiasan. Para ilmuan Islam telah sepakat bahawa emas dalam bentuk bukan perhiasan adalah termasuk dalam kategori barang *ribawi*, namun begitu berlaku perselisihan pandangan dalam kalangan para ilmuan dalam menetapkan sama ada emas bentuk perhiasan termasuk dalam kategori barang *ribawi* ataupun tidak. Rentetan itu, ia memberi implikasi hukum dalam transaksi emas semasa yang merangkumi pembayaran secara tunai, pembelian secara hutang atau ansuran, pembelian secara kad kredit dan kad debit, *trade in* emas dan gadaian emas. Penulis telah menerangkan setiap transaksi ini dengan membawa pandangan ulama silam dan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.

Akhir sekali, dalam bab kelima penulis telah menjelaskan berkaitan pelaburan emas. Penulis hanya menfokuskan perbincangan berkaitan pelaburan dengan menjadikan emas sebagai

medium jual beli dengan tujuan mendapatkan keuntungan daripada perbezaan harga jualan dan harga belian (keadaan ini dinamakan spekulasi). Penulis membahaskan isu ini dalam dua wacana iaitu wacana fiqh dan wacana *maqasid*. Dalam wacana fiqh, penulis hanya menjelaskan kembali keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berkaitan parameter pelaburan emas dengan bahasa yang lebih mudah. Adapun dalam wacana *maqasid*, penulis telah membuat kesimpulan bahawa proses jual beli secara berulang kali adalah tidak selari dengan *maqasid* dan boleh membawa kesan kepada harga pasaran. Tanpa menafikan terdapat sebahagian ilmuan yang menghukumkannya halal kerana sekadar melihat akad yang berlaku secara zahir. Namun penulis berpendapat pandangan tersebut tidak selari dengan *maqasid* syariah, teori ekonomi dan pendapat para ilmuan Islam seperti al-Ghazali dan Ibn al-Qayyim.

## **PEMBETULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Secara jujurnya, pengulas merasakan buku ini telah dihasilkan dalam keadaan yang sangat baik dan teratur. Namun begitu, terdapat beberapa pembetulan dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi menjadikan buku ini lebih baik dan sempurna. Pembetulan pertama yang boleh dilakukan adalah pembetulan berkaitan isu ejaan. Pada halaman 17, 19, 20 dan 39, penulis menggunakan perkataan (*fuqaha'*). Sedangkan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) telah ada perkataan (*fuqaha*) yang membawa maksud “(jamak bagi faqih) orang yang ahli dalam ilmu fiqh”. Justeru, perkataan ini tidak perlu diitalic dan perlu mengikut ejaan yang terdapat dalam kamus dewan. Seterusnya pada halaman 46, penulis ada menulis satu ayat, (Dapat difahami daripada takrif ini bahawa gadaian ini ialah akad yang mengiringi kad hutang). Pengulas merasakan yang dimaksudkan oleh penulis dalam ayat ini adalah (akad hutang), bukannya (kad hutang).

Selain itu, pada halaman 40, 45, 46, 67 dan 69, penulis telah memetik nama seorang ilmuan Islam dengan menulis namanya sebagai (Ibn Qayyim). Menurut Bakr Abu Zaid (2003) panggilan untuk ilmuan Islam tersebut yang bernama Muhammad bin Abu Bakr adalah sama ada Ibn Qayyim al-Jauziyyah ataupun Ibn al-Qayyim. Hal ini kerana, ayahnya iaitu Abu Bakr adalah pengasas kepada sebuah sekolah yang diberi nama *al-Madrasah al-Jauziyyah* di Damsyik, Syria dan kemudiannya beliau dikenali sebagai Qayyim al-Jauziyyah. Justeru, salah seorang anaknya iaitu Muhammad (ilmuan yang dimaksudkan) dikenali sebagai Ibn Qayyim al-Jauziyyah atau diringkaskan menjadi Ibn al-Qayyim. Adapun penulisan nama beliau sebagai (Ibn Qayyim) sahaja seperti mana yang ditulis dalam buku Panduan Syarak Tentang Emas ini adalah kurang tepat. Hal ini kerana dalam konteks tatabahasa ilmu bahasa arab, huruf “alif” dan “lam” yang terdapat pada kalimah al-Qayyim itu adalah *alif lam al-‘ahd al-zihni* yang telah diketahui merujuk kepada pengasas *al-Madrasah al-Jauziyyah*. Begitu juga pada halaman 49, penulis menulis terma (*qard al-hasan*), sedangkan ia perlu ditulis sama ada *qard hasan* ataupun *al-qard al-hasan*. Hal ini kerana dalam konteks tatabahasa ilmu bahasa arab, *hasan* adalah sifat kepada *qard*.

Seterusnya pengulas berganjak kepada beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh penulis. Pertama, penulis dicadangkan untuk menyatakan pandangan pilihan beliau terhadap perbahasan jual beli emas dalam bentuk perhiasan. Pada halaman 40, penulis telah membawa dua pandangan para fuqaha dalam menanggapi isu ini. Namun begitu, ia ditinggalkan tanpa menyatakan pandangan pilihan penulis dan terus masuk kepada perbahasan lain. Hakikatnya, pandangan pilihan penulis boleh membantu para pembaca untuk

memilih, sekali gus berpegang dengan pandangan tersebut. Hal ini adalah penting terutamanya kepada masyarakat awam. Walaupun pada halaman 45, penulis ada menukilkhan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berkaitan isu ini, namun ia sudah dalam perbahasan lain iaitu perbahasan berkaitan *trade in* emas. Alangkah baiknya sekiranya keputusan tersebut juga dinyatakan pada halaman 40 agar para pembaca terus boleh menjadikannya sebagai amalan panduan praktikal.

Kedua, pengulas mencadangkan agar penulis dapat menerangkan secara ringkas berkaitan jenis dan kategori dalam perbahasan barang *ribawi*, terutamanya sebelum memulakan perbahasan dalam bab keempat berkaitan isu-isu semasa dalam jual beli emas. Hal ini penting bagi memastikan para pembaca dapat mengikuti dan memahami dengan baik perbahasan bab tersebut. Sebagai contoh, pada halaman 41, secara peribadi pengulas merasakan para pembaca tidak akan faham dengan baik perbahasan yang dibawa oleh penulis berkaitan “pembayaran secara tunai”. Hal ini kerana penulis tidak terlebih dahulu memberikan gambaran umum berkaitan jenis dan kategori dalam perbahasan barang *ribawi* sebelum menerangkan secara teknikal berkaitan isu tersebut.

Akhir sekali, pengulas mendapati sebahagian hadis yang dinukilkhan ke dalam buku ini dibawa sekali dengan teks arab yang asal, dan dalam masa sama terdapat juga sebahagian hadis yang lain hanya dibawa terjemahannya sahaja. Sebagai contoh, pada halaman 42 dan 43, penulis telah menukilkhan teks arab bagi hadis yang dinukilkhan sebelum ia diterjemahkan. Sedangkan pada halama 15, hanya terjemahan hadis yang dinukilkhan tanpa teks arab yang asal. Justeru, pengulas mencadangkan agar penulis dapat membawa teks arab yang asal bagi setiap hadis yang dinukilkhan ke dalam buku ini secara konsisten. Hal ini sangat membantu para pembaca terutamanya yang tergolong dalam kalangan agamawan dan penuntut ilmu untuk membuat rujukan silang atau rujukan semula di dalam rujukannya yang asal.

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat beberapa pembetulan dan cadangan penambahbaikan yang pengulas telah lontarkan, hakikatnya tiada siapa boleh nafikan bahawa buku ini merupakan satu karya ilmu yang sangat baik dan bernilai. Pengulas sangat mencadangkan kepada penuntut ilmu peringkat pemula dan masyarakat awam untuk membaca buku ini bagi memahami sudut pandang Islam terhadap logam emas dan hukum berkaitannya.

Selain itu, pengulas juga yakin bahawa buku ini boleh dijadikan bahan rujukan kepada para agamawan dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat awam, sesuai dengan perbahasan dalam buku ini yang ringkas, padat dan bersifat semasa. Paling utama, perbahasan buku ini adalah bertunjang kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, terutamanya dalam bab keempat dan bab kelima. Justeru, ia amat sesuai untuk dijadikan panduan dan rujukan bagi seluruh rakyat Malaysia.

Akhir sekali, pengulas mengharapkan kehadiran buku ini akan dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada masyarakat berkaitan kepentingan logam emas. Selain itu, diharapkan juga buku ini akan dapat merungkai segala salah faham atau kebuntuan yang timbul dalam kalangan masyarakat berkaitan perbahasan hukum syarak tentang penggunaan emas dan cara transaksi jual beli emas.

## **RUJUKAN**

- Bakr Abu Zaid. 2003. *Ibn Qayyim al-Jauziyyah: Hayatuhu, Atharuhu, Mawariduhu*. Riyadh: Dar al-‘Asomah.
- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Mahadi Mohamad dan Ahmad Tirmizi Taha. 2015. Panduan Syarak Tentang Emas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Mohd Farouq Nukman Zamri**

Jabatan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,  
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).